

Sime Darby Property Catat Peningkatan Keuntungan 60% bagi H1 TK2026

*Dasar Dividen Baharu yang Dipertingkat Diumumkan dengan Agihan 40% hingga 60%
PATAMI Syarikat*

- Mencatat PBT dan PATAMI H1 tertinggi masing-masing sebanyak RM635.6 juta dan RM480.8 juta, didorong oleh portfolio perindustrian;
- Merekodkan hasil sebanyak RM2.0 bilion, disokong oleh prestasi operasi yang lebih baik dan pendapatan berulang yang lebih tinggi, terutamanya daripada pusat data yang baru disiapkan;
- Mengekalkan jualan sebanyak RM1.8 bilion dan jualan belum dibil sebanyak RM3.8 bilion, memberikan keterlihatan pendapatan dan aliran tunai melebihi tiga tahun akan datang;
- Dividen sebanyak 1.7 sen diisytiharkan, meningkat 13% tahun-ke-tahun ("YoY"), mencerminkan komitmen terhadap nilai pemegang saham.

ARA DAMANSARA, 24 Ogos 2026 – Sime Darby Property Berhad ("Sime Darby Property" atau "Syarikat") mencatatkan prestasi yang kukuh bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2026 ("H1 TK2026"), didorong oleh momentum jualan dan permintaan yang berterusan dalam segmen Pembangunan Hartanah ("PD"), serta pertumbuhan berterusan dalam segmen Pelaburan & Pengurusan Aset ("IAM"). Hasil H1 TK2026 meningkat kepada RM2.0 bilion, manakala keuntungan sebelum cukai ("PBT") dan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti ("PATAMI") masing-masing meningkat 60% dan 84% tahun-ke-tahun ("YoY") kepada RM635.6 juta dan RM480.8 juta.

Segmen PD mencatatkan hasil sebanyak RM1.8 bilion dan peningkatan PBT sebanyak 24% YoY kepada RM457.3 juta, didorong oleh kemajuan pembinaan yang lebih kukuh bagi projek perindustrian dan pembangunan bertingkat tinggi. Prestasi segmen ini terus disokong oleh sumbangan berterusan daripada Bandar Bukit Raja, Elmina Business Park, City of Elmina, Serenia City dan KLGCC Resort, serta keuntungan nilai saksama sebanyak RM120.4 juta, terutamanya daripada pusat data yang dibina untuk disewa di Elmina Business Park, dan kilang berkembar The Cubiz Collection di City of Elmina.

Segmen IAM merekodkan peningkatan hasil YoY sebanyak RM137.8 juta dan PBT sebanyak RM179.2 juta, disokong oleh pendapatan sewaan pusat data, prestasi portfolio runcit, sumbangan daripada aset perindustrian serta peningkatan bahagian keuntungan daripada

UNTUK SIARAN SEGERA

usaha sama susulan pembalikan peruntukan berkaitan pelupusan Sime Darby Business Centre di Singapura. Segmen ini turut memperluaskan portfolio perindustrian dan logistiknya melalui penyiapan Metrohub 4 dan majlis pecah tanah Metrohub 3 di E-Metro Logistics Park SDPLOG di Bandar Bukit Raja, menjadikan jumlah Aset di Bawah Pengurusan ("AUM") kepada kira-kira RM5.0 bilion setakat Julai 2026.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Property, Dato' Seri Azmir Merican, berkata, "Prestasi kami bagi separuh pertama tahun ini mencerminkan daya tahan portfolio kami yang pelbagai serta kekuatan model perniagaan bersepadu kami. Pembangunan perindustrian terus memacu pertumbuhan, manakala segmen Pelaburan & Pengurusan Aset kami yang semakin berkembang serta portfolio pendapatan berulang terus memperkukuh pelaksanaan strategi SHIFT32."

Pelancaran dan Jualan H1 TK2026

Sime Darby Property melancarkan pembangunan dengan Nilai Pembangunan Kasar ("GDV") sebanyak RM2.0 bilion, merangkumi projek perindustrian bernilai RM816.7 juta (40%), kediaman bertingkat tinggi sebanyak RM561.9 juta (27%), kediaman bertanah sebanyak RM534.8 juta (26%) dan komersial sebanyak RM134.8 juta (7%). Setakat 9 Ogos 2026, jumlah tempahan mencecah RM1.0 bilion, sekali gus mencerminkan momentum berterusan bagi penukaran tempahan kepada jualan pada separuh kedua tahun ini. Antara pelancaran utama termasuk Ara Bloc, pembangunan kediaman bertingkat tinggi yang merangkumi 998 unit dengan GDV sebanyak RM561.9 juta, Elmina Green 8 yang merangkumi 136 unit rumah teres dua tingkat dengan GDV sebanyak RM132.8 juta dan XME Business Park 2, yang menawarkan 59 unit kilang separa berkembar dan berangkai dengan GDV sebanyak RM131.3 juta.

Dalam H1 TK2026, Syarikat merekodkan jualan sebanyak RM1.8 bilion, dengan permintaan yang konsisten dalam pembangunan dan perbandarannya. Produk perindustrian terus menjadi teras prestasi jualan, menyumbang RM861.0 juta (49%) daripada jumlah jualan, diikuti kediaman bertanah sebanyak RM433.1 juta (25%), kediaman bertingkat tinggi sebanyak RM315.0 juta (18%) dan produk komersial sebanyak RM128.6 juta (7%).

Pencapaian Kewangan / Operasi Lain

Setakat 30 Jun 2026, Syarikat mencatatkan jualan belum dibil sebanyak RM3.8 bilion, aliran tunai operasi positif dan nisbah hutang bersih sebanyak 35.5%.

UNTUK SIARAN SEGERA

Selaras dengan strategi SHIFT32, Sime Darby Property melancarkan New Economy Venture Fund bernilai RM1.25 bilion, yang mencapai komitmen modal penuh pada penutupan pertama dan meningkatkan jumlah Dana di Bawah Pengurusan Syarikat kepada RM2.25 bilion. Syarikat turut mengukuhkan saluran pembangunan dan memperluas kehadiran pasarnya melalui pengambilalihan Wisma UNIRAZAK bernilai RM160 juta di Kuala Lumpur. Selain itu, Syarikat meneruskan kerjasama dengan SD Guthrie Berhad bagi membangunkan kira-kira 1,021 ekar di Bukit Kerayong sebagai koridor perindustrian dan logistik. Sime Darby Property turut melaksanakan cadangan pengambilalihan 556.96 ekar tanah di Kulai, Johor, bernilai RM418.5 juta, bagi pembangunan sebuah perbandaran mampan dalam Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura.

Dividen

Mencerminkan komitmennya untuk memperkukuh nilai kepada pemegang saham, Syarikat mengumumkan dasar dividen untuk mengagihkan 40% hingga 60% daripada PATAMI Syarikat, tidak termasuk item luar biasa – penambahbaikan daripada rangka kerja pembayaran dividen sebelum ini yang menetapkan agihan sebanyak 20% daripada PATAMI Syarikat. Sime Darby Property mengisytiharkan dividen sebanyak 1.7 sen sesaham bagi S2 TK2026, mewakili peningkatan sebanyak 13% YoY dengan jumlah pembayaran sebanyak RM115.6 juta.

Prospek TK2026

Syarikat kekal fokus untuk mencapai sasaran TK2026 menerusi pelaksanaan berdisiplin, permintaan berterusan dalam segmen utama, serta pengembangan berterusan sumber pendapatan berulang. Dengan rancangan pelancaran bernilai kira-kira RM4.7 bilion dalam GDV di pasaran domestik dan antarabangsa, Sime Darby Property berada pada kedudukan yang baik untuk mengekalkan momentum pertumbuhan pada separuh kedua TK2026.

“Permintaan dalam perbandaran utama dan pembangunan perindustrian kami kekal memberangsangkan, disokong oleh pelan pelancaran yang menyeluruh, jualan belum dibil yang tinggi, serta portfolio pendapatan berulang yang semakin berkembang. Pengumuman dasar dividen ini mencerminkan keyakinan kami terhadap keupayaan Syarikat untuk menjana pendapatan dan aliran tunai operasi yang mampan, khususnya apabila pendapatan berulang menjadi penyumbang yang semakin besar kepada keuntungan keseluruhan di bawah SHIFT32,” kata Dato’ Seri Azmir.

-TAMAT SIARAN MEDIA-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Dengan pengalaman melebihi 50 tahun, Sime Darby Property telah berkembang daripada pemaju komuniti terancang yang dipercayai kepada sebuah syarikat hartanah yang berpandangan ke hadapan, membentuk ekosistem yang mampan bagi menyokong cara masyarakat hidup, bekerja dan berkembang maju. Syarikat telah lama menetapkan penanda aras dalam aspek kualiti, inovasi dan kelestarian, menerusi pembangunan kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 28 perbandaran serta projek di seluruh Malaysia.

Perniagaan Syarikat adalah berteraskan dua segmen utama: Pembangunan Hartanah, yang kekal sebagai peneraju pasaran dalam pembangunan perbandaran dan projek bersepadu; serta Pelaburan & Pengurusan Aset, yang memberi tumpuan kepada penciptaan nilai jangka panjang melalui pemilikan dan pengurusan aset secara strategik.

Selaras dengan strategi SHIFT32, Sime Darby Property sedang mempercepatkan peralihan daripada pemaju hartanah konvensional kepada syarikat hartanah yang lebih pelbagai, dengan fokus yang lebih kepada peningkatan aliran pendapatan berulang. Syarikat terus menerajui segmen industri dan logistik melalui pembangunan utama seperti Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja dan Hamilton Nilai City, serta menjadi pemaju hartanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang menubuhkan dana pembangunan dalam sektor ini.

Sebagai sebuah organisasi yang berperanan sebagai *Force for Good*, Syarikat komited untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050, sejajar dengan *Science Based Targets initiative (SBTi)* untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebagai penyokong kukuh prinsip ESG, Sime Darby Property merupakan konstituen Indeks *MSCI ACWI Small Cap* dengan penarafan *ESG MSCI BBB*, dinilai oleh CDP (*Carbon Disclosure Project*), serta tersenarai dalam Indeks *FTSE4Good* Bursa Malaysia dan *FTSE4Good* Bursa Malaysia Syariah, sekali gus mencerminkan komitmennya terhadap amalan ESG yang baik. Melalui badan dermanwannya, Yayasan Sime Darby, Syarikat terus memberi impak sosial yang bermakna dan berkekalan kepada semua komuniti di bawah seliaannya.

Sime Darby Property telah menerima pelbagai pengiktirafan, termasuk dinobatkan sebagai pemaju hartanah nombor satu Malaysia di *'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards'* oleh The Edge Malaysia bagi tahun 2024 dan 2025. Antara pencapaian lain termasuk anugerah tertinggi di *The Edge Malaysia Best Managed & Sustainable Property Awards 2025*, kemenangan di *FIABCI World Prix d'Excellence Awards*, *StarProperty Awards*, *Malaysia Developer Awards*, *Putra Brand Awards*, *PropertyGuru Asia Awards Malaysia*, serta tersenarai dalam *Fortune Southeast Asia 500* bagi tahun 2026 untuk tahun ketiga berturut-turut—mencerminkan kepimpinan berterusan Syarikat dalam industri.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com

Kontak Media:

- Hannah Rafee | +6017-878 8090 | hannah.rafee@simedarbyproperty.com
- Hanie Nasir | +6019-725 7015 | hanie.afieqah@simedarbyproperty.com

Untuk pertanyaan lanjut, sila e-mel: group.communications@simedarbyproperty.com